

FAMILY PLANNING AMONG ORANG ASLI WOMEN IN THE DISTRICT OF HULU LANGAT SELANGOR DARUL EHSAN, 1994

PERANCANG KELUARGA DI KALANGAN WANITA ORANG ASLI DI DAERAH HULU LANGAT NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, 1994

Jamsiah Mustafa, Hanafiah Mohd Salleh

ABSTRACT

An analytic cross-sectional study of married Orang Asli was carried out in the district of Hulu Langat, Selangor D.E., to examine the practice of family planning and the factors influencing it. The collection of data completed within 4 weeks that is from 20.12.93- 2.1.94 and 16.5.94 - 29.5.94. The study used the universal sampling method. Home visits were made to all the 10 Orang Asli villages in order to interview the respondents through the use of guided questionnaires prepared in Bahasa Malaysia. The findings showed that 98.33% of respondents have knowledge of at least one type of effective method of family planning with the pill being the most well known method. The study also showed that 86.67% knew of an effective method. The use of plant roots was the method known by the majority of the respondents. The study found that 51.64% practised family planning while 25.41% did not practise it. The remaining 22.95% were pregnant at the time of data collection. The findings also showed that only 16.39% of respondents practised an effective method in comparison to 34.43% who practised the effective method. One respondent (0.82%) practised both methods simultaneously. Statistical tests were carried out to discover whether relationships exist between the two (2) dependent variables of knowledge and practice with independent variables of socioeconomic status, age, gravida and number of living children. However X² and t-test did not show any significant relationship between the two (2) dependent variables and the independent variables. The main factor that influenced the respondents to plan their families was to space the pregnancy. Other important factors were the encouragement from the husband. The main factor that obstructed the use of family planning was they felt that they were still young. Other important factors were their desire for a big family and a lack of accurate knowledge of the importance of birth spacing on maternal and child health.

ABSTRAK

Satu kajian iris lintang analitik telah dilakukan ke atas wanita Orang Asli yang berkahwin di daerah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan bagi melihat amalan perancang keluarga dan faktor-faktor yang mempengaruhinya. Kajian ini dilakukan selama 4 minggu iaitu dari 20.12.93 - 2.1.94 dan 16.5.94 - 29.5.94. Kajian ini menggunakan sampel universal. Lawatan rumah telah dilakukan ke atas 10 buah perkampungan Orang Asli di daerah ini untuk menemui responden dengan menggunakan borang soal selidik berpandu yang disediakan di dalam Bahasa Malaysia. Hasil kajian menunjukkan 98.33% dari responden mempunyai pengetahuan sekurang-kurangnya satu kaedah berkesan dengan kaedah pil merupakan kaedah yang paling banyak diketahui. Kajian juga menunjukkan 86.67% mengetahui kaedah tidak berkesan. Penggunaan akar kayu ialah kaedah yang paling banyak diketahui oleh kebanyakan responden. Hasil dari kajian mendapati 51.64% mengamalkan perancang keluarga dan 25.41% tidak mengamalkannya. Selebihnya sebanyak 22.95% hamil semasa pengumpulan data dibuat. Hasil kajian juga menunjukkan hanya 16.39% dari responden mengamalkan kaedah tidak berkesan berbanding dengan 34.43% yang mengamalkan kaedah berkesan. Seorang responden (0.82%) mengamalkan kedua-dua kaedah pada masa yang sama. Ujian statistik telah dilakukan untuk mencari sama ada terdapat hubungan di antara dua (2) pembolehubah bersandar, pengetahuan dan amalan perancang keluarga dengan pembolehubah tidak bersandar iaitu taraf sosioekonomi, umur, gravida dan bilangan anak hidup. Walau bagaimanapun ujian t dan X² tidak menunjukkan hubungan yang signifikan di antara kedua-dua pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar. Faktor utama yang mempengaruhi responden untuk merancang keluarga ialah untuk menjarakkan kehamilan. Faktor penting yang lain ialah mendapat sokongan dari suami. Faktor utama yang menghalang penggunaan perancang keluarga ialah mereka merasakan mereka masih muda. Faktor penting yang lain ialah keinginan mempunyai anak yang ramai dan kekurangan pengetahuan yang tepat mengenai kepentingan menjarakkan kelahiran ke atas kesihatan ibu dan anak.